

# **Kajian Kepelbagaian Sosial Dalam Komuniti Minoriti: Kes Mobiliti Sosial Komuniti India di Malaysia**

**Pembiayaan Kajian Oleh:**

**INSTITUT KAJIAN DAN LATIHAN INTEGRASI NASIONAL (IKLIN)  
JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL**

## **Pasukan penyelidik**

Prof. Dr. Mansor Mohd Noor (Ketua Penyelidik)  
Dr. Kassim Thukiman  
Prof. Madya Dr. Roslan Hakim  
Dr. Norhayati Sa'ad  
Prof. Madya Dr. Sarjit Singh A/I Darshan Singh  
Dr. Khairol Anuar kamri  
Azlina Abdullah  
Cik Faridatul Azna  
Raudzah Ismail  
Nur Azah binti Razali  
Badariah Saibeh  
Mohd Firdaus Bin Zolkifli  
Ahmad Zul Hakimi Hassim  
Mohd Idham Khalil Mohamed Khamil

**INSTITUT KAJIAN ETNIK UKM  
2014**

## RINGKASAN EKSEKUTIF

Di sebalik kemajuan material dan pencapaian taraf hidup, perubahan pembangunan yang pesat didapati telah meminggirkan beberapa kumpulan etnik, termasuk komuniti India yang secara umumnya berpendapatan rendah di kawasan desa dan bandar. Untuk memahami kepelbagaian sosial dalam kalangan komuniti India sehingga wujudnya masalah sosial dalam komunitinya, kajian yang mendalam perlu dilakukan terutama berkaitan pola dan tahap mobiliti sosial dalam kalangan komuniti India.

Objektif utama kajian ini meliputi iaitu:

1. Mengenal pasti pola kepelbagaian suku etnik dalam komuniti India.
2. Mengenal pasti pola sosioekonomi komuniti India.
3. Mengenal pasti pola dan tahap mobiliti sosial dalam komuniti India.
4. Menganalisis pengaruh-pengaruh kedinamikan mobiliti sosial dalam kalangan komuniti India.
5. Menganalisis kesan mobiliti sosial ke atas kehidupan sosial dalam komuniti India.
6. Memberi cadangan awal untuk mengurus ketidakseimbangan sosial dan pendapatan rendah dalam komuniti India.

Kajian ini berusaha membuktikan tentang kedinamikan mobiliti sosial yang berlaku dalam kalangan komuniti India. Dengan pengukuhan institusi dan pasarana pembangunan yang telah dilaksanakan oleh kerajaan, terdapat dalam kalangan komuniti India yang telah keluar daripada garis kemiskinan dan berada di golongan berpendapatan tinggi dan menengah. Namun demikian, kajian ini menunjukkan masih ada segelintir komuniti India yang terperangkap dengan warisan kemiskinan dan disulit lagi dengan ketidaksampaian mereka kepada

kemudahan awam dan institusi yang boleh membangun modal manusia dan modal sosial mereka.

Berdasarkan perspektif demografi, dapatan kajian menunjukkan komuniti India terdiri daripada pelbagai sub-etnik. Namun, majoriti mereka adalah terdiri daripada sub-etnik Telegu dan Tamil. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa pada masa kini komuniti India telah mendapat pendidikan yang baik di peringkat rendah, menengah dan pengajian tinggi. Jika dibandingkan tahap pendidikan komuniti India sekarang dengan generasi terdahulu, majoriti bapa dan datuk mereka tidak bersekolah atau setakat sekolah rendah. Sebahagian kecil sahaja yang sampai ke peringkat menengah.

Dari segi pekerjaan dan pendapatan, komuniti India terbahagi kepada dua kumpulan besar. Satu kumpulan memperoleh pendapatan kurang RM1,000 dan tergolong dalam kumpulan pekerjaan buruh. Manakala kumpulan kedua berpendapatan RM1,000–RM3,000 dan tergolong dalam kumpulan pekerjaan pengurusan dan profesional. Status ekonomi kedua-dua kelompok ini terserlah dengan sebahagian mereka sudah memiliki rumah sendiri, manakala sebahagian lagi tinggal di rumah sewa atau menumpang di rumah ibu bapa atau keluarga. Selain itu, dapatan kajian juga menunjukkan keterikatan dan hubungan sosial dalam kalangan komuniti India dan masyarakat didapati masih longgar dan rapuh. Hanya sebilangan kecil sahaja yang terlibat secara aktif dalam aktiviti kejiwaan dan juga aktiviti berpersatuan.

Secara keseluruhannya data menunjukkan majoriti komuniti India mengalami mobiliti sosial objektif dan subjektif dan mobiliti sosial itu berada pada tahap yang berbeza-beza. Kebanyakan komuniti India berada pada tahap mobiliti rendah dan mobiliti sederhana dan segelintir sahaja yang berada pada tahap mobiliti tinggi. Kualiti keluarga, individu, hubungan, negara, kepimpinan, perkhidmatan kerajaan, cabaran hidup individu, cabaran hidup anak dan



kecukupan pendapatan merupakan faktor subjektif yang sangat penting dalam mobiliti sosial komuniti India kemudian diikuti oleh faktor objektif seperti pendidikan, pekerjaan, pendapatan, pemilikan aset dan simpanan. Pemilikan faktor subjektif dan objektif dalam komuniti India menentukan tahap mobiliti sosial mereka dan sebaliknya. Data juga menunjukkan satu pertiga komuniti India berada pada tahap tiada mobiliti. Jika dilihat secara lebih terperinci didapati komuniti India yang berada pada tahap tiada mobiliti ini disebabkan kekurangan dari segi faktor objektif seperti pendidikan rendah dan tiada simpanan manakala faktor subjektif seperti kualiti pendapatan yang kurang mencukupi dan kualiti kepimpinan. Akhirnya, selain faktor objektif dan subjektif, pemilikan tiga faktor, iaitu, modal manusia, modal sosial dan institutional akan turut menentukan pola dan tahap mobiliti sosial komuniti India.

Umumnya, modal sosial dan modal manusia telah memberi pengaruh yang positif kepada kedinamikan mobiliti sosial komuniti India. Sementara, indikator faktor subjektif memberi pengaruh positif yang lebih tinggi kepada modal manusia, modal sosial dan faktor struktural untuk komuniti India mencapai mobiliti tahap tinggi berbanding faktor objektif. Faktor modal manusia, khususnya tahap pendidikan adalah 'modal' utama untuk membantu komuniti India memperbaiki taraf kehidupan yang lebih baik. Namun begitu, modal sosial dan faktor struktural yang merupakan faktor makro juga penting sebagai 'alat bantuan' mereka untuk kelangsungan hidup yang lebih baik.

Secara keseluruhannya, kajian ini berjaya mencapai matlamat dan objektif yang ditetapkan. Pelbagai masalah yang dihadapi oleh komuniti India di pelbagai peringkat dan pelbagai dimensi – faktor objektif dan faktor subjektif – telah dikenalpasti. Justeru itu, dapatan kajian amat berguna kepada pelbagai *stakeholder* seperti kerajaan, pemimpin komuniti India, dan orang India sendiri mengambil langkah-langkah strategik untuk membangun dan memajukan komuniti India di seluruh negara. Langkah-langkah penambahbaikan tersebut

dicadangkan untuk makro dan mikro yang berkaitan dengan institusi, kewangan, sosial, pendidikan dan prasarana. Dengan tindakan yang sedemikian, jurang kemiskinan akan dapat diatasi dan seterusnya menyumbang kepada mobiliti sosial komuniti India, kestabilan sosial, ekonomi dan politik serta mengukuhkan perpaduan nasional.